



## GMACA SEDIA INFORMASI LATIHAN TERKINI KEPADA PEGAWAI SPRM

Putrajaya, 16 OGOS – Pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini boleh mendapatkan informasi terkini serta maklumat lengkap berkaitan latihan disediakan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) menerusi Sistem Pengurusan Latihan MACA (GMACA) yang dilancarkan akademi berkenaan, semalam.

Pelancaran GMACA itu disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki dalam Majlis Perasmian GMACA di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam yang turut disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Ahmad Khusairi Yahaya.

Sistem GMACA ini melibatkan proses penyampaian maklumat melalui portal, pengurusan sistem permohonan program latihan, sistem penyimpanan data latihan serta membantu dalam pembangunan sumber manusia SPRM.

GMACA ini mengandungi empat komponen utama iaitu portal yang mengandungi maklumat am dan hebahan MACA; Sistem yang menguruskan pelaksanaan dan permohonan program; Platform E-Learning dan Sistem Pelaporan Analitik.

Sistem ini telah mula beroperasi mulai Ogos 2022 dan pengguna boleh mula mengakses portal tersebut melalui pautan <https://gmaca.sprm.gov.my>.

Menerusi sistem ini juga, ia diharap dapat meningkatkan kecekapan dalam pengurusan latihan, penyelarasan modul dan pemaparan maklumat serta membantu memberikan informasi yang lebih tepat.

Sebagai sebuah akademi ulung yang menyediakan program latihan pencegahan rasuah, MACA sentiasa mengambil berat dan peka terhadap keperluan semasa bagi melatih modal insan warga SPRM khususnya dan sektor awam serta sektor swasta amnya.

Sehubungan itu, Sistem GMACA ini diyakini akan memberi manfaat kepada seluruh pemegang taruh.

Majlis Perasmian GMACA itu turut dihadiri Pengarah MACA, Dato' Haji Idris Zaharudin dan Pengarah-pengarah Bahagian SPRM.

